KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## LAWATAN TAPAK DAN PEMBUKAAN JALAN KELUAR-MASUK OLEH YB MENTERI KERJA RAYA DI PERSIMPANGAN BERTINGKAT KUANG SISTEM

**Rawang, Selangor:** Pembukaan jalan keluar-masuk di Persimpangan Bertingkat Kuang Sistem telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof pada hari ini. Jalan keluar-masuk ini menyediakan laluan yang lebih mudah dan cepat dari Kuala Lumpur ke Kundang serta kawasan sekitarnya di utara Selangor.

Melalui laluan dari Plaza Tol Rawang Selatan, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), jarak dan masa perjalanan dari ibu negara akan dikurangkan kira-kira 10 km atau 15 minit. Jalan keluar-masuk ini juga akan menyediakan laluan sambungan terus ke tapak pembangunan Gamuda Gardens iaitu kawasan pembangunan bercampur seluas 810 ekar.

Jalan keluar-masuk baru ini akan memberikan kesan berganda kepada ekonomi penduduk tempatan kerana laluan sambungan yang lebih mudah ini menarik lebih banyak pelaburan dan pembangunan baru di kawasan berkenaan.

Jalan keluar-masuk yang terletak betul-betul di Persimpangan Lebuhraya LATAR, PLUS dan GCE iaitu Persimpangan Bertingkat Kuang Sistem ini juga akan mendorong lagi pembangunan pesat di kawasan sekitar Kundang dan meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduk.

Gamuda Land telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Gamuda Gardens yang bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan tersebut di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan baru kepada penduduk tempatan.

Dengan jalan keluar-masuk baru tersebut juga pembangunan Gamuda Gardens dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) melebihi RM10 bilion turut merancang sebuah hab perniagaan yang akan merangsang pertumbuhan pesat di seluruh kawasan utara Selangor.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**
**9 JANUARI 2017**

Dikeluarkan oleh:
**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**
: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101
Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my